



| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | Kampus UniKL bakal dibina di Bukit Naning - Pengerusi Nafas | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia (Johor) | | |
| Date | 05 Jun 2013 | Color | Black/white |
| Section | Berjimat atasi beban kenaikan | Circulation | 238,082 |
| Page No | 26 | Readership | 833,287 |
| Language | Malay | ArticleSize | 129 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 665 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,994 |



Kampus UniKL bakal dibina di Bukit Naning - Pengerusi Nafas

MUAR 4 Jun - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) merancang menjadikan sebahagian daripada kawasan ladang nanas Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ) di Bukit Naning dekat sini, sebagai tapak kampus Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

Pengerusi Nafas, Datuk Saipolbahri Shuib berkata, pada awalnya, kampus Universiti itu dicadang di-

bangunkan di tempat lain tetapi atas faktor tertentu dipindahkan ke kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Naning di sini.

"Sebelum ini kami bercadang membina universiti berkenaan di Langkawi atau Johor Bahru namun memandangkan kawasan Bukit Naning mempunyai tapak (tanah) yang mencukupi untuk membina universiti, tidak salah di bawa ke sini.

"Untuk itu, kita akan memohon mendapatkan tanah seluas kira-kira 364 hektar bagi tujuan pembinaan universiti berkenaan," katanya ketika ditemui dalam majlis ramah mesra bersama peladang di Kompleks Penghulu Air Hitam, Batu 18, dekat sini baru-baru ini.

Saipolbahri yakin kehadiran kampus baharu UniKL itu akan memberi banyak manfaat kepada

penduduk setempat termasuk menyumbang kepada usaha meningkatkan taraf hidup rakyat di kawasan berkenaan.

Selain itu, katanya, usaha sedang dilakukan untuk meminta Mara menaik taraf Pusat GiatMara di Kampung Tengah, Air Hitam di sini, yang pada masa ini hanya menawarkan kursus mekanik motor, jahitan dan pendawaian elektrik.

"Kita mahu pusat itu memperluas jenis kursus yang ditawarkan dalam bidang-bidang kemahiran tinggi selaras dengan usaha melahirkan usahawan dalam kalangan masyarakat setempat," ujarnya.

Mengenai usaha meningkatkan pendapatan petani di kawasan itu, beliau yang juga Pengerusi PPNJ memberitahu, pihaknya akan menggalakkan penanam-penanam

nanas mengusahakan tanaman tersebut secara kontrak perladangan dengan PPNJ.

"Kilang memproses jus nanas Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ) memerlukan lapan tan metrik sehari dan adalah satu peluang kepada penanam nanas meningkatkan pendapatan mereka kerana hasil mereka akan dibeli terus oleh kilang itu," ujarnya.